



Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN PROGRAM PEMULANGAN UBAT



Edisi 3: 2016

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	3
2.	Objektif	4
3.	Skop	4
4.	Kaedah Pelaksanaan	4
5.	Prosedur Pemulangan Ubat	5
6.	Prosedur Pengendalian Ubat-ubat Yang Dipulangkan	6
7.	Pelaporan	7
8.	Rujukan	7
9.	Carta Alir Proses Pemulangan, Pengumpulan dan Penyisihan Ubat Yang Dipulangkan Ke Farmasi Pesakit Luar	8
10.	Carta Alir Proses Pemulangan, Pengumpulan dan Penyisihan Ubat Yang Dipulangkan Ke Farmasi Pesakit Dalam	9
	Lampiran 1: Rekod Daftar Pemulangan Ubat Pesakit	10

1. PENGENALAN

Program Pemulangan Ubat (PPU) oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mula dilaksanakan pada tahun 2010 sebagai inisiatif untuk menguruskan pelupusan ubat-ubatan agar lebih selamat dan mesra alam. Pengenalan program ini juga menyokong Strategi Hijau Malaysia yang diperkenalkan melalui Dasar Alam Sekitar Negara pada tahun 2002.

Pengurusan ubat yang dipulangkan adalah penting memandangkan tidak semua ubat yang dibekalkan kepada pesakit atau wad akan digunakan sepenuhnya dan sekiranya ubat-ubatan ini dilupuskan dengan cara yang salah, ia boleh mengakibatkan pencemaran alam. Melalui program ini, pesakit boleh memulangkan semula ubat-ubatan yang tidak digunakan di kaunter farmasi / kotak pemulangan ubat yang disediakan di semua fasiliti farmasi hospital dan klinik kesihatan KKM dan pihak farmasi akan bertanggungjawab untuk melupuskannya mengikut tatacara yang sepatutnya.

Melalui data yang diperolehi, didapati anggaran kos ubat yang dipulangkan adalah tinggi. Data juga menunjukkan kebanyakan ubat tersebut adalah ubat yang digunakan bagi merawat penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan lain-lain lagi. Antara faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada ubat yang dipulangkan semula ini adalah seperti berikut:

- Pertukaran regimen ubat
- Pemberhentian rawatan
- Pesakit tidak komplian terhadap rawatan pengubatan
- Pesakit meninggal dunia
- Pesakit mempunyai bekalan ubat berlebihan melalui pengambilan ubat daripada pelbagai sumber seperti hospital atau klinik kesihatan KKM/ klinik swasta/ farmasi komuniti

Garis Panduan Program Pemulangan Ubat, Edisi ke-3 ini telah ditambahbaik dengan mengambil kira saranan *World Health Organization* (WHO) bahawa ubat yang telah dipulangkan tidak boleh digunakan untuk pesakit lain memandangkan kualiti dan keberkesanan ubat yang dipulangkan tidak dapat dijamin¹.

2. OBJEKTIF

Objektif program ini adalah untuk:

- 2.1 Menggalakkan pesakit memulangkan ubat-ubatan yang tidak digunakan/ telah luput
- 2.2 Menjamin keselamatan pesakit di samping mengelakkan kesilapan pengubatan di kalangan pesakit akibat penyimpanan ubat-ubatan secara berlebihan
- 2.3 Mengurangkan pembaziran ubat-ubatan yang telah dibekalkan
- 2.4 Melupuskan ubat-ubatan dengan cara selamat bagi menjamin alam sekitar yang bebas daripada pencemaran alam sejajar dengan Strategi Hijau Malaysia iaitu 'Pencegahan dan kawalan pencemaran dan kemerosotan alam sekitar'.

3. SKOP

Garis panduan Program Pemulangan Ubat ini digunapakai untuk pemulangan ubat oleh pesakit/ wakil pesakit/ wad di hospital dan klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia sahaja.

Program Pemulangan Ubat ini juga terpakai bagi ubat-ubatan yang dipulangkan oleh pesakit sahaja, **bukan** daripada fasiliti (klinik swasta) atau sesebuah organisasi.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

Program Pemulangan Ubat ini dilaksanakan di semua fasiliti farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia bagi **membantu melupuskan ubat-ubatan yang dipulangkan oleh pesakit** dengan selamat. Program pemulangan ini dilakukan di kaunter farmasi/ kotak pemulangan ubat yang disediakan atau ubat dipulangkan terus terus kepada anggota farmasi/ jururawat (bagi pesakit di wad).

Promosi berterusan bagi program ini kepada orang awam/ pesakit boleh dilakukan melalui penyediaan bahan cetak seperti poster dan risalah.

4.1 BAHAN KEPERLUAN YANG DIPERLUKAN

4.1.1 Peralatan

- Kotak pemulangan ubat (saiz mengikut kesesuaian fasiliti)
- Poster, risalah atau bahan promosi bersesuaian untuk mempromosikan Program Pemulangan Ubat
- Tempat/bekas khas untuk menyimpan ubat yang dipulangkan sebelum disisih (mengikut kesesuaian fasiliti)

4.1.2 Borang – borang

- Rekod daftar pemulangan ubat pesakit (**Lampiran 1**)
- Borang PF 5.9: Laporan Program Pemulangan Ubat

5. PROSEDUR PEMULANGAN UBAT

5.1 FARMASI PESAKIT LUAR

5.1.1 Pesakit boleh memasukkan ubat ke dalam kotak pemulangan ubat (mengikut jenis sediaan, jika ada) atau memulangkan ubat mereka di kaunter farmasi. Sekiranya didapati pesakit berlebihan ubat kerana tidak patuh kepada rawatan ubat, pesakit boleh dirujuk untuk sesi kaunseling.

5.1.2 Promosikan program ini kepada pesakit melalui risalah, *banner*, poster, paparan digital dan lain-lain cara yang bersesuaian.

5.2. FARMASI PESAKIT DALAM/ SATELIT

5.2.1 Pegawai Farmasi wad/ klinikal perlu menjalankan aktiviti pengambilan sejarah pengubatan pesakit. Melalui '*medicines reconciliation*', sekiranya pesakit mempunyai ubat-ubatan yang tidak akan disambung lagi penggunaannya, ubat pesakit perlu dipulangkan ke Farmasi Pesakit Dalam/ farmasi satelit

5.2.2 Sekiranya tiada Pegawai Farmasi wad/ klinikal, ubat boleh dikembalikan oleh

jururawat ke kaunter Farmasi Pesakit Dalam/ farmasi satelit.

- 5.2.3** Bagi pemulangan ubat yang dibekalkan ke wad /unit secara '*Unit of Use*' atau '*Unit of Dose*' perlu merujuk kepada prosedur sedia ada.

6. PROSEDUR PENGENDALIAN UBAT-UBAT YANG DIPULANGKAN

- 6.1** Kotak pemulangan ubat perlu diuruskan secara berkala (mengikut kesesuaian fasiliti).
- 6.2** Sisih ubat bagi pelupusan mengikut jadual yang telah ditetapkan pihak fasiliti masing-masing. Digalakkan agar **proses penyisihan dilakukan oleh 2 anggota farmasi** bertugas bagi meningkatkan ketelusan pengendalian ubat tersebut.
- 6.3** Isi Rekod Daftar Pemulangan Ubat (**Lampiran 1**) setelah proses penyisihan dilakukan. **Perekodan data hanya perlu dibuat untuk ubat yang dipulangkan pada bulan Mei sahaja (tempoh sebulan) pada setiap tahun bagi tujuan analisa data.** Bagi tempoh selain itu, ubat yang telah disisihkan hanya dilupuskan terus tanpa perlu mengisi Rekod Daftar Pemulangan Ubat.
- 6.4** Semua ubat-ubatan pesakit yang dipulangkan boleh dilupuskan melalui dua kaedah berikut:
- a) Ubat-ubatan dimasukkan ke dalam tong sisa klinikal (tong kuning) dan dilupuskan secara pelupusan sisa klinikal atau,
 - b) Ubat-ubatan yang terkumpul dilupus mengikut prosedur pelupusan ubat luput tarikh yang telah ditetapkan di fasiliti masing-masing (i.e. melalui pihak Kualiti Alam).
- 6.5** Pelupusan ubat psikotropik adalah mengikut tatacara pelupusan ubat psikotropik mengikut akta yang berkaitan.

7. PELAPORAN


- 7.1 Data berkenaan Program Pemulangan Ubat ini dilaporkan kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri dan seterusnya ke Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (BPF KKM) melalui borang PF 5.9 bagi **data bulan Mei sahaja** (satu bulan).

- 7.2 Penghantaran laporan PF 5.9 akan dilakukan pada 15 Julai setiap tahun bersama pelaporan PF yang lain (seperti dalam Manual PF).


8. RUJUKAN

1. *World Health Organization (WHO). Guidelines for medicines donations- revised 2010. 3rd edition: 2011.*
2. *Jabatan Alam Sekitar. Guidelines on The Handling And Management Of Clinical Wastes in Malaysia, 3rd Edition. 2009.*
3. *Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia. Dasar Alam Sekitar Negara. 2002.*

9) CARTA ALIR PEMULANGAN, PENGUMPULAN DAN PENYISIHAN UBAT YANG DIPULANGKAN KE FARMASI PESAKIT LUAR



10) CARTA ALIR PEMULANGAN, PENGUMPULAN DAN PENYISIHAN UBAT YANG DIPULANGKAN KE FARMASI PESAKIT DALAM



REKOD DAFTAR PEMULANGAN UBAT OLEH PESAKIT

HOSPITAL /KLINIK KESIHATAN : _____

TAHUN : _____

UNIT FARMASI (tandaan yang berkaitan): Pesakit Luar/ Pesakit Dalam/ Satelit

BIL	NAMA UBAT	HARGA SEUNIT PER TAB/BOTOL/ KOTAK/BEKAS (RM)	JUMLAH KUANTITI DIPULANGKAN (nyatakan unit)	JUMLAH KOS DIPULANGKAN
KUMPULAN FARMAKOLOGI*: (Contoh - Cardiovascular: Nitrates, Ca channel blockers & potassium channel activators)				
1	Amlodipine 5mg tab	0.15	150	22.50
2				
3				
4				
5				
JUMLAH				
KUMPULAN FARMAKOLOGI: (Contoh - Cardiovascular: Lipid regulating drugs)				
1	Gemfibrozil 300mg caps	0.8	80	6.4
2				
3				
4				
5				
JUMLAH				

KUMPULAN FARMAKOLOGI:				
1				
2				
3				
4				
5				
JUMLAH				
KUMPULAN FARMAKOLOGI:				
1				
2				
3				
4				
5				
JUMLAH				

1. Borang ini adalah sebagai panduan kepada anggota farmasi yang bertugas bagi pengumpulan data PF 5.9 - Program Pemulangan Ubat yang akan dihantar ke BPF Negeri dan seterusnya ke BPF KKM. Borang ini hanya **dipakai untuk data bulan Mei setiap tahun**.

2. Untuk diisi oleh Farmasi Pesakit Luar, Farmasi Satelit, Farmasi Pesakit Dalam (untuk ubat yang **dipulangkan pesakit** yang mendapatkan rawatan di fasiliti KKM sahaja).

3. ***Pengelasan kumpulan farmakologi ubat mengikut cara ia dikelaskan di dalam Formulari Ubat KKM (FUKKM).**

4. Borang ini tidak perlu dihantar ke Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri/ KKM